

# Perogol Noor Suzaily jalani hukuman gantung

**K**UALA LUMPUR: Bekas pemandu bas ekspres, Hanafi Mat Hassan, yang didapati bersalah merogol dan membunuh jurutera komputer, Noor Suzaily Mukhtar, lapan tahun lalu, menjalani hukuman gantung di Penjara Kajang, pagi semalam.

Hanafi, 46, digantung sampai mati selepas subuh dan mayatnya dibawa ke Hospital Kajang sebelum dituntut keluarganya untuk dibawa pulang ke Binjai, Kelantan.

Jenazahnya dikebumikan di tanah perkuburan Kampung Kubur Datu, Binjai, kira-kira jam 6 petang, tetapi wartawan dan jurugambar *Berita Harian* dilarang membuat liputan.

Malah, kedua-duanya diserang sekumpulan penduduk yang merampas kad memori kamera. Berikutan kejadian itu, wartawan dan jurugambar membuat laporan polis.

Hanafi didapati bersalah dan dihukum gantung oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 25 April 2002 kerana membunuh Noor Suzaily, 24, di antara Lorong Pegaga, Taman Chi Liung dan tapak pembinaan projek perumahan di Taman Bukit Tinggi, Klang di antara jam 8.50 pagi hingga 9.15 pagi pada 7 Oktober 2000.

Tertuduh yang pernah berkahwin empat kali, juga dipenjara 20 tahun dan 12 sebatan atas tuduhan merogol mangsa.

# Saya tidak maafkan pembunuh Noor Suzaily'

DARI MUKA 1

Hukuman penjara yang dikenakan itu adalah maksimum mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan.

Kes berkenaan mendapat liputan meluas sejak mayat Noor Suzaily ditemui dalam keadaan bogel dengan 44 kesan cedera di tepi jalan kawasan pembinaan Bukit Tinggi Klang pada petang hari sama. Hasil bedah siasat mendapati mangsa mati akibat dijerut.

Perbicaraan kes itu bermula pada 12 Mac 2001 di Mahkamah Tinggi Shah Alam dan rayuan terakhir Hanafi ditolak Mahkamah Persekutuan pada 12 Disember 2006.

Sementara itu di KANGAR, ketika ditemui di rumahnya di Taman Suraini bapa Noor Suzaily, Mukhtar Ibrahim, 63, berkata: "Bagi saya kepuasan hanya timbul apabila saya sendiri berada di tempat hukuman dan membenarkan menekan butang bagi melaksanakan hukuman ke atas Hanafi."

Mukhtar berkata, pihaknya tidak menyimpan dendam ke atas keluarga Hanafi kerana mereka tidak bersalah dan biarlah yang bersalah menjalani hukuman.

"Dalam hati ini Tuhan saja yang tahu apabila disebut nama Hanafi. Perasaan marah tetap ada. Saya tidak berpuas untuk memaafkan perbuatan ganas dan kejamnya ke atas Noor Suzaily," katanya.

LIHAT MUKA 4